

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Nama

Adat-adat ini bolehlah dinamakan sebagai Adat-adat Sistem Pemungutan Sarang Burung Gua Madai dan Gua-gua Warisan Etnik Idahan (Ida'an).

2. Tafsiran

Dalam adat-adat ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain -

“Adat” ertinya peraturan yang diamalkan sejak turun-temurun oleh masyarakat pewaris etnik Idahan.

“*Gegisun*” ertinya bermuafakat atau berbincang dalam kalangan ahli keluarga atau keturunan sesuatu masyarakat untuk mencapai satu persefahaman dalam sesuatu perkara.

“Idahan” hendaklah mempunyai makna yang sama dengan Ida'an ertinya etnik Idahan pemilik gua-gua warisan sarang burung di kawasan Teluk Darvel yang bermastautin di daerah Lahad Datu dan yang telah memeluk agama Islam semenjak tahun 1408 masihi.

“Pewaris” ertinya pewaris-pewaris sarang burung atau orang-orang yang mewarisi gua-gua warisan yang mengandungi sarang burung yang boleh dimakan sama ada mengikut nasab bapa atau mengikut nasab ibu atau nasab daripada kedua-duanya yang diperturunkan secara warisan turun-temurun yang tidak boleh dipindah milik.

“Sistem ambilineal” ertinya seseorang itu boleh menggalurkan jurai keturunannya sama ada melalui nasab (*plika*) bapa atau nasab (*plika*) ibu yang diperakui kesahihannya.

“Gua-gua warisan” ertinya gua-gua warisan milik etnik Idahan yang terletak di Teluk Darvel Pantai Timur Sabah iaitu Gua Madai, Gua Baturong, Gua Pidtong, Gua Segarong (Tegerong), Gua Tepadong (Segama), Gua Sepod Batu, Batu Pang dan lain-lain di Teluk Darvel.

“Sarang burung” ertinya sarang burung yang boleh dimakan jenis hitam atau sarang burung jenis putih yang dibuat oleh burung layang-layang.

“Kerok kelempisau” ertinya panggilan penduduk tempatan kepada burung layang-layang yang membuat sarang burung.

“Tai Kelempisau” ertinya timbunan najis burung layang-layang dan bangkai serangga di lantai gua atau *guano*.

“Mengalap” ertinya memungut atau mengutip sarang burung di dalam gua-gua yang mengandungi sarang burung.

“Memungut” sama ertinya dengan *mengalap* iaitu mengutip sarang burung atau menuai dari dalam gua.

“Musim memungut” ertinya musim memungut yang telah ditetapkan dua kali setahun iaitu musim *Papas* dan musim *Penanggoh*.

“Memungut waktu malam” ertinya memungut selepas jam 6.00 petang hingga jam 6.00 pagi pada hari berikutnya atau *mengalap gabpi*.

“Lapai bat” ertinya mengambil sarang menjangkau di luar sempadan lubang batu lain.

“Gerimot” ertinya memungut kali kedua dalam musim yang sama dalam tahun yang sama. Biasanya alasan menanggalkan sisa-sisa ‘kaki sarang’ yang tertinggal pada dinding gua atau terlepas pandang oleh *tukong* semasa pemungutan yang pertama.

“Babpa’ batu” ertinya kawasan atau lubang batu yang mengandungi sarang burung yang sempadannya telah ditentukan dan mempunyai pemilik.

“Teremmak” ertinya pembahagian syer atau bahagian syer sarang burung yang dihadiri oleh semua pemilik lubang batu setelah selesai memungut.

“Tak batu” ertinya bahagian atau syer warisan sarang burung.

“Tudta” ertinya syer atau bahagian atau tompokan sarang yang telah dibahagikan mengikut bahagian atau syer nenek masing-masing misalnya *tudta lebattu* (bulat), *sebila* (separuh) atau *segiggi* (satu perempat).

“Temmak Gapid” ertinya kaedah pembahagian bagi suami yang berpoligami.

“Mengubbug” ertinya seseorang waris utama yang mewakili waris yang lain ketika memungut dengan dibayar upah *ubbug*.

“Sengsaro” ertinya seorang pewaris yang bekerja keras hasil titik peluh sendiri semasa proses memungut sarang burung.

“Ketua Madai” ertinya Ketua Umum dalam kalangan pewaris-pewaris semasa musim pemungutan dan semasa musim ditutup di Gua Madai.

“Ketua Memungut” ertinya orang yang dilantik oleh pemilik-pemilik lubang batu untuk menjadi ketua mereka semasa proses pemungutan sesuatu lubang batu.

“Tukong” ertinya Ketua Pekerja yang mengendali proses pemungutan sesuatu lubang batu yang dilantik oleh pemilik-pemilik lubang batu.

“Jabatan” ertinya Jabatan Hidupan Liar Sabah.

“Mahkamah Anak Negeri” ertinya Mahkamah Anak Negeri yang kompeten dan arif tentang adat etnik Idahan.

“Majlis Adat” ertinya Majlis Adat Istiadat Etnik Idahan iaitu satu majlis yang dianggotai oleh golongan Orang-orang Tua Idahan (*elders*) yang arif dan pakar dalam adat istiadat dan jurai keturunan etnik Idahan.

“Kayag-kayag” ertinya orang awam yang ikut serta memasuki di dalam gua semasa pemungutan berlangsung dan pada lazimnya akan diberi *sinut*.

“Sinut” ertinya pemberian ikhlas atau sedekah sama ada dalam bentuk sarang burung atau wang.

“Seruok Inni” ertinya mempunyai hubungan pertalian neneh yang rapat berdasarkan jurai keturunan.

“Perikit” ertinya seseorang yang mempunyai hubung kait dengan sesebuah keluarga Idahan melalui ikatan perkahwinan.

“Memikit” ertinya orang yang datang kepada sesebuah keluarga Idahan untuk menjalinkan hubungan melalui ikatan perkahwinan.

“Peterai” ertinya saudara-mara pihak yang *memikit*.

“Ahli keluarga pihak yang *memikit*”, ertinya-

(a) Ibu dan bapanya

(b) Adik-beradik abang atau kakaknya.

“Menissob” ertinya menerokai di dalam gua kebiasaannya seorang diri untuk mencari lubang batu atau *babpa batu* yang mengandungi sarang burung yang tersembunyi.

“Tissob” ertinya lubang batu atau *babpa batu* yang ditemui hasil daripada *menissob*.

“Kekab” ertinya denda yang dikenakan ke atas pesalah biasanya yang telah menyebabkan kecederaan, sentuhan fizikal atau gangguan emosi ke atas mangsa atau sebagai hukuman kerana melanggar adat.

“Mengeliwang” ertinya memungut sewaktu seseorang yang ada syer tidak berada bersama tanpa dimaklumkan kepadanya waktu sebenar untuk memungut, contohnya memungut sewaktu seseorang itu di luar kawasan.

“Mengikkukuh” ertinya dengan sengaja tidak mengajak bersama-sama untuk memungut sarang burung sedangkan

mereka adalah pemilik bersama lubang batu. Misalan; tidak memanggil atau memaklumkan waktu *teremmak salag* atau *tak batu* atau makan sendiri.

“*Geligau*” ertinya menipu contoh; menipu bahagian *tak batu* atau menipu penggiliran tahunan memungut.

“*Mengelitu*” ertinya memutar belit fakta supaya orang jadi keliru seperti jurai keturunan *seruok inni’* dan cara *temmak*.

“*Mengapung temmak*” ertinya menyembunyikan fakta atau tidak memberitahu jurai keturunan pembahagian sarang burung yang sebenar.

“*Menadin*” ertinya membawa lari seperti membawa lari sarang burung, *tak batu*, gaji pekerja atau *sinut* orang ramai yang ikut *kayag-kayag*.

“*Punco*” ertinya seseorang yang meninggal dunia tanpa mempunyai sebarang zuriat. Jika ia seorang pewaris segala syer/bahagiannya akan dibahagi-bahagikan kepada adik-beradik kandung yang masih hidup secara sama rata.

“*Gebalai*” ertinya mendirikan rumah misalnya di kawasan berhampiran gua.

“*Mengelluk laewon*” ertinya berpatah balik atau menunda sesuatu urusan biasanya ketika hendak memulakan perjalanan atau pemungutan sebagai suatu ikhtiar bagi mengelak sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku.

“*Gua Madai*” ertinya bukit Madai atau *bulud Maddai* yang mengandungi sarang burung warisan etnik Idahan.

3. Musim Memungut

Hendaklah ada dua musim memungut atau *mengalap* yang harus diikuti oleh semua pewaris untuk memungut sarang burung jenis hitam di gua-gua warisan milik etnik Idahan iaitu-

- (a) Musim *Papas*; biasanya dalam bulan April hingga Mei setiap tahun iaitu sarang burung dipungut selepas burung layang-layang atau *kerok kelempisau* mengawan.
- (b) Musim *Penanggoh*; biasanya dalam bulan Ogos hingga September iaitu sarang burung dipungut selepas anak burung yang menetas boleh terbang.
- (c) Mana-mana musim selain yang disebutkan dalam sub-adat (a) dan (b) adalah berlandaskan budi bicara yang dipersetujui oleh semua pewaris tetapi tidak boleh melebihi tiga (3) kali musim memungut dalam setahun.
- (d) Pemungutan sarang burung putih hanya dibenarkan tiga (3) kali setahun.

4. Ketua Madai

- (1) Hendaklah ada seseorang ketua dilantik untuk menjadi Ketua Madai oleh masyarakat komuniti pewaris-pewaris sarang burung atau dipilih melalui proses pemilihan oleh Pertubuhan Kebajikan Idahan Pewaris Madai (PEWARIS) dan dipersetujukan oleh Majlis Adat Istiadat Sarang Burung Etnik Idahan serta mengikut amalan biasanya pelantikan itu

- disokong (*endorse*) oleh Mahkamah Anak Negeri. Tempoh pelantikan dan penamatan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis Adat Istiadat Sarang Burung Etnik Idahan, PEWARIS, komuniti pewaris-pewaris serta disokong (*endorse*) oleh Mahkamah Anak Negeri.
- (2) Fungsi Ketua Madai ialah membantu pihak Jabatan Hidupan Liar dalam memungut royalti 10% dan memaklumkan pihak pewaris-pewaris sarang burung tarikh memungut yang dibenarkan, bertindak sebagai Ketua Umum semasa musim memungut dan tempat untuk merujuk atau mengadu jika berlaku masalah semasa musim memungut serta menjadi penjaga umum ketika musim memungut ditutup.
- (3) Ketua Madai layak menerima 1% daripada jumlah kutipan sarang burung bagi setiap musim memungut sebagai upah mengurus dan untuk meningkatkan kemudahan asas di Gua Madai.

5. Semua Pewaris Disifatkan Tertakluk Kepada Adat

- (1) Semua pewaris yang mempunyai syer atau bahagian atau *tak batu* di dalam gua-gua warisan dan orang-orang yang berada di dalam kawasan gua-gua warisan adalah tertakluk kepada adat-adat memungut sarang burung ini.
- (2) Sebarang pelanggaran adat yang membabitkan pertikaian mengenai hak-hak pewarisan sarang burung hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Ketua Madai, Orang-orang Tua Idahan yang menjadi

Pakar Rujuk, Ketua Majlis Adat Istiadat dan Mahkamah Anak Negeri.

6. Sekatan Memasuki Gua-Gua Warisan

- (1) Orang-orang bukan pewaris dan orang-orang yang tidak berkepentingan dilarang memasuki gua-gua warisan tanpa kebenaran daripada Ketua Madai, masyarakat pewaris dan pihak jabatan yang mempunyai bidang kuasa.
- (2) Walau bagaimanapun, sekiranya orang itu yang asalnya bukan pewaris dan berkahwin dengan lelaki atau perempuan pewaris atau "*perikit gunai ulun kito*" maka ahli keluarga pihak yang *memikit* iaitu ayah, ibu, abang, kakak atau adik orang itu sahaja boleh memasuki ke kawasan Gua Madai dan gua-gua warisan yang lain tertakluk kepada undang-undang yang sedang berkuat kuasa di Malaysia.